



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 1/2018

28 Februari 2018

Kepada : Semua Firma Perunding Ukur Bahan/ Juruukur Bahan Consultant/ Juruukur Bahan Professional/ Juruukur Bahan Provisional/ Juruukur Bahan Technologist

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARISPANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN BERSTATUS PERTUBUHAN PERBADANAN DENGAN PENGARAH TUNGGAL
--

1.0 TUJUAN

Garispanduan ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai pendaftaran Firma Perunding Ukur Bahan berstatus Pertubuhan Perbadanan dengan Pengarah Tunggal.

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan garispanduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Firma Perunding Ukur Bahan" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- (ii) "Juruukur Bahan *Consultant*" merupakan seorang Juruukur Bahan yang berdaftar sebagai *Consultant Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan (pindaan) 2015 dan mempunyai sijil pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- (iii) "Juruukur Bahan *Professional*" merupakan seorang Juruukur Bahan yang berdaftar sebagai *Professional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan (pindaan) 2015 dan mempunyai sijil pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- (iv) "pejabat cawangan" merupakan kesinambungan daripada pejabat utama yang berada di lokasi yang berlainan. Pejabat Cawangan mesti berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM

3.0 LATAR BELAKANG

Akta Juruukur Bahan Malaysia (pindaan) 2015 telah memperuntukkan pendaftaran untuk Pertubuhan Perbadanan beramal sebagai firma Perunding Ukur Bahan melalui Seksyen 7A dan 7B di mana terdapat syarat yang ditetapkan untuk komposisi minimum pertubuhan perbadanan ini. Syarat-syarat tersebut turut diperjelaskan dengan lebih lanjut di dalam Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2016 dan Garispanduan Pendaftaran LJBM. Penguatkuasaan terhadap Akta Pendaftaran Syarikat (pindaan) 2016 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah membolehkan Pertubuhan Perbadanan dijalankan oleh seorang pengarah sahaja. Memandangkan pendaftaran firma Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai firma Perunding Ukur Bahan adalah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Syarikat, LJBM telah bersetuju bahawa struktur pendaftaran ini boleh diterima oleh LJBM dengan garispanduan yang perlu diperincikan lagi.

4.0 GARISPANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN BERSTATUS PERTUBUHAN PERBADANAN DENGAN PENGARAH TUNGGAL

(i) Keperluan Pendaftaran

Pengarah Pertubuhan Perbadanan dengan Pengarah Tunggal mestilah :

- (a) seorang Juruukur Bahan *Consultant* (CQS)
- (b) beralamat kediaman dan menjalankan praktis di Malaysia serta secara fizikal berada di Malaysia untuk tempoh masa lebih daripada 183 hari dalam satu tahun kalendar, dan
- (c) tidak dibenarkan menjadi pengarah untuk mana-mana firma Perunding Ukur Bahan, dan
- (d) tidak bekerja secara sepenuh masa dengan mana-mana organisasi.

(ii) Nama firma

Nama firma Perunding Ukur Bahan mesti mendapat kelulusan daripada LJBM terlebih dahulu sebelum membuat permohonan untuk berdaftar dengan SSM bagi memastikan nama firma tersebut mematuhi Garispanduan LJBM.

(iii) Modal Berbayar

Pertubuhan Perbadanan dengan Pengarah Tunggal mesti mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM50,000.00

(iv) Urusan Harian Firma

Urusan harian Pertubuhan Perbadanan mesti di bawah kawalan dan pengurusan individu berikut :

- (a) seorang Juruukur Bahan *Consultant* (CQS), dan
- (b) mempunyai surat kuasa wakil (*power of attorney*) daripada pengarah tunggal untuk memberi perkhidmatan ukur bahan bagi pihak pertubuhan perbadanan, dan
- (c) beralamat kediaman dan menjalankan praktis di Malaysia serta secara fizikalnya berada di Malaysia untuk tempoh masa lebih daripada 183 hari dalam satu tahun kalendar, dan

Sekiranya individu yang dinamakan bukan pengarah pertubuhan perbadanan ini, surat pengesahan penerimaan daripada individu tersebut diperlukan.

(v) **Pejabat Cawangan**

Pengarah Tunggal tidak dibenarkan untuk menjadi pengurus Pejabat Cawangan. Jumlah pejabat cawangan yang dibenarkan untuk Pertubuhan Perbadanan dengan Pengarah Tunggal adalah 2 (dua) cawangan sahaja dan setiap cawangan mesti diuruskan oleh PQS/ CQS yang diluluskan oleh LJBM.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta dari tarikh Surat Pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Benar,



(DATO' SY AZIZ BIN ABDULLAH, CQS)

Yang DiPertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia